

**GARIS PANDUAN PENGENDALIAN
KES GANGGUAN SEKSUAL PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

KANDUNGAN

BIL.	TAJUK	MUKA SURAT
1.	Pendahuluan	1-2
2.	Tujuan	2
3.	Tafsiran	2-4
4.	Gangguan Seksual Dan Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009	4
5.	Kategori Gangguan Seksual	5-7
6.	Perlakuan, Keadaan Atau Perbuatan Yang Terjumlah Kepada Gangguan Seksual	7-8
7.	Pengecualian	9
8.	Antunan Seksual Terhadap Kanak-Kanak	9
9.	Tindakan Yang Boleh Diambil Oleh Pengadu	9-11
10.	Tindakan Yang Boleh Diambil Oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar	11-12
11.	Tindakan Yang Boleh Diambil Oleh Pegawai Psikologi/Kaunselor	13-14
12.	Tanggungjawab Dekan/ Pengarah/ Ketua	14
13.	Kerahsiaan	14-15
14.	Kesan Gangguan Seksual	15-17
15.	Menangani Kesan Gangguan Seksual Ke Atas Pengadu, Pelajar Disyaki Mengganggu Dan Dekan/ Pengarah/ Ketua	17-18
16.	Program Pencegahan Gangguan Seksual Di USIM	18-19

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Carta Aliran Kerja Tindakan Yang Boleh Diambil Oleh Pengadu
Lampiran B	Carta Aliran Kerja Tindakan Yang Boleh Diambil Bagi Tujuan Pengumpulan Bukti Oleh Pengadu
Lampiran C	Carta Aliran Kerja Tindakan Oleh Pegawai Penerima Aduan Di Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Lampiran D1	Carta Aliran Kerja Tindakan Oleh Pegawai Psikologi/Kaunselor
Lampiran D2	Carta Aliran Kerja Tindakan Oleh Jawatankuasa Siasatan Bebas
Lampiran E	Borang Aduan Salah Laku Gangguan Seksual
Lampiran F	Carta Aliran Kerja Tindakan Oleh Pegawai Psikologi/Kaunselor Apabila Menyediakan Perkhidmatan Psikologi
LAMPIRAN G	Ringkasan Jadual Urus Setia Pengurusan Aduan/ Khidmat Kaunseling Apabila Berlaku Kes Gangguan Seksual Pelajar Dan Rujukan Garis Panduan
LAMPIRAN H	Carta Aliran Pengurusan Siasatan Kes Tatatertib Pelajar (Bukan Akademik) Universiti Sains Islam Malaysia

GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KES GANGGUAN SEKSUAL PELAJAR

1. PENDAHULUAN

1.1 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bertekad untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang sihat dan selamat, bebas daripada sebarang bentuk gangguan dan perbuatan keganasan. Gangguan seksual dalam sebarang bentuk adalah bertentangan dengan hasrat USIM dan semua warga USIM dilarang keras melakukannya. Gangguan seksual boleh memberikan imej yang negatif kepada universiti danarganya.

1.2 Perlakuan gangguan seksual tidak terhad kepada berlainan jantina, malah boleh dilakukan oleh lelaki terhadap lelaki atau perempuan terhadap perempuan. Perlakuan ini adalah tingkah laku, perbuatan, tindakan atau pernyataan yang bersifat seksual dan tidak diingini yang mana boleh memberi kesan negatif ke atas pelajaran serta kesejahteraan pelajar.

1.3 Gangguan seksual adalah salah satu bentuk diskriminasi berasaskan gender. Mengikut Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 8(2) tentang hak sama rata, diskriminasi berasaskan gender adalah dilarang sama sekali. Ini juga adalah selari dengan Konvensyen Antarabangsa iaitu Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW) 1979 yang telah ditandatangani oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1995. Di samping disabit kesalahan melakukan gangguan seksual dan dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak USIM, seseorang itu boleh juga didakwa mengikut Seksyen 354, 355, 376(2)(f) dan 509 Kanun Keseksaan [Akta 574] serta Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

1.4 Gangguan seksual merupakan suatu perbuatan yang tidak bermoral, melanggar syariat Islam dan batas-batas perhubungan serta nilai peribadi seseorang. Perlakuan ini merupakan satu salah laku yang tidak boleh ditoleransi dan harus diberikan perhatian oleh pihak yang berwajib di universiti sebagai usaha mendokong misi universiti untuk menghasilkan ilmuwan, pemimpin dan profesional yang kompeten berasaskan tradisi keilmuan Islam, nilai – nilai luhur agama dan budaya demi kesejahteraan sejagat

1.5 Aduan gangguan seksual akan ditangani secara sulit dan rahsia. Sebarang bentuk tindakan yang tidak sewajarnya terhadap pelajar USIM yang menggunakan hak-haknya untuk membuat pengaduan adalah dilarang dan boleh dikenakan tindakan.

1.6 Garis Panduan ini mengandungi penerangan berhubung pengendalian kes gangguan seksual terhadap pelajar dari aspek —

- (a) Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009;
- (b) Kategori dan Jenis Perlakuan Gangguan Seksual;
- (c) Tindakan Pengadu Yang Mengalami Gangguan Seksual;
- (d) Tindakan Pegawai Yang Menerima Aduan Di Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP);
- (e) Tindakan Pegawai Psikologi/Kaunselor Yang Mengendalikan Kes Gangguan Seksual;
- (f) Tindakan Jawatankuasa Siasatan Bebas Yang Menjalankan Siasatan Kes Gangguan Seksual;
- (g) Tanggungjawab Dekan/ Pengarah/ Ketua;
- (h) Menangani Kesan Gangguan Seksual; dan
- (i) Program Pencegahan Gangguan Seksual di USIM.

2. TUJUAN

2.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan prosedur pengendalian kes gangguan seksual terhadap pelajar sebelum proses tindakan tatatertib diambil ke atas pelajar atau pihak yang terlibat.

2.2 Ia juga menjadi rujukan kepada universiti berhubung perlakuan gangguan seksual serta strategi yang boleh diambil oleh pihak-pihak yang terlibat dalam menangani perlakuan gangguan seksual terhadap pelajar.

2.3 Walau apapun peruntukan dalam Garis Panduan ini, ia tidak menghadkan kuasa mana-mana Pihak Berkuasa Tatatertib dan mana-mana peruntukan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009.

2.4 Garis Panduan ini terpakai kepada pelajar USIM sahaja dan berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

3. TAFSIRAN

Dalam Garis Panduan ini, kecuali konteksnya menghendaki maksud yang lain —

“Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)” ertinya bahagian yang bertanggungjawab untuk menguruskan siasatan kes tatatertib pelajar (bukan akademik).

“Dekan/Pengarah/Ketua” ertinya ketua bagi Fakulti/Pusat/Jabatan/Bahagian di Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor.

“Fakulti” berhubung dengan sesuatu Universiti, ertinya Fakulti Universiti itu dan termasuklah Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut bagi Universiti itu dan berhubung dengan Kampus Universiti termasuklah mana-mana bahagian Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut yang ditetapkan bagi Kampus itu.

“Jabatan Keselamatan” ertinya jabatan yang bertanggungjawab untuk menguruskan keselamatan universiti.

“Jawatankuasa Siasatan Bebas” ertinya suatu kumpulan pegawai yang ditubuhkan di perenggan 9.5(a) garis panduan ini untuk melaksanakan siasatan bagi sesuatu kes gangguan seksual dan menyediakan laporan.

“Kampus” ertinya Kampus Universiti termasuklah semua asrama, institusi dan bangunan Universiti.

“Kaunselor” ertinya mana-mana pegawai USIM yang menjalankan tugas sebagai kaunselor bertauliah di USIM.

“Pegawai” ertinya seseorang staf USIM yang berstatus tetap, kontrak dan sambilan yang diambil bekerja dengan USIM.

“Pegawai Psikologi” ertinya mana-mana pegawai USIM yang dilantik sebagai Pegawai Psikologi mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 29 Tahun 2007: Perubahan Skim-Skim Perkhidmatan Kaunselor Dan Penolong Kaunselor Kepada Skim Perkhidmatan Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi.

“Pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, pra-ijazah, lepas ijazah atau lepas kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau dari Universiti itu, dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah;

“Pengadu” ertinya seseorang yang membuat aduan terhadap perlakuan gangguan seksual yang dilakukan ke atas dirinya atau ke atas orang lain oleh seorang pelajar USIM.

“Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT)” ertinya Naib Canselor atau, mengikut mana-mana yang sesuai, mana-mana Timbalan Naib Canselor, mana-mana anggota kakitangan, mana-mana

pegawai atau, mana-mana pekerja Universiti, atau mana-mana lembaga anggota, pegawai atau pekerja Universiti yang diwakilkan oleh Naib Canselor dengan fungsi, kuasa atau kewajipan tatatertib di bawah subseksyen 16B(3) Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971.

“**Pihak Ketiga**” ertinya seseorang yang mengetahui tentang perlakuan gangguan seksual yang dilakukan oleh seorang pelajar ke atas orang lain.

“**Pelajar Disyaki Mengganggu (PDM)**” ertinya seseorang pelajar USIM yang sesuatu aduan berhubung perlakuan gangguan seksual telah dibuat ke atasnya.

“**Universiti**” ertinya Universiti Sains Islam Malaysia.

4. GANGGUAN SEKSUAL DAN KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR) 2009

4.1 Gangguan seksual merupakan satu daripada perlakuan yang dilarang atau ditegah sama sekali kepada mana-mana pelajar.

4.2 Gangguan seksual bermaksud sebarang tingkah laku berunsur seksual yang tidak diingini dan memberi kesan sebagai satu gangguan sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal: yang, atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh (Pengadu) sebagai mengenakan syarat berbentuk seksual ke atas proses pembelajarannya atau pengajiannya; atau yang, atas sebab yang munasabah, boleh dianggap oleh (Pengadu) sebagai satu pencabulan maruah, atau penghinaan atau ancaman terhadap dirinya tetapi tiada hubungan terus dengan proses pembelajarannya atau pengajiannya.

4.3 Seseorang pelajar yang didapati melakukan gangguan seksual, boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 kerana dianggap ianya bercanggah dengan ajaran agama Islam dan telah memburukkan dan menjatuhkan imej USIM.

4.4 Seseorang pelajar yang didapati bersalah melakukan gangguan seksual boleh dikenakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan dua atau lebih hukuman, bergantung kepada keseriusan kesalahan itu menurut Kaedah 50, Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009.

5. KATEGORI GANGGUAN SEKSUAL

5.1 Seseorang pelajar adalah ditegah daripada melakukan gangguan seksual. Berbagai bentuk perlakuan atau pernyataan boleh terjumlah kepada gangguan seksual. Bentuk perlakuan atau pernyataan ini dijelaskan lebih lanjut dalam perenggan 6. Berikut adalah beberapa kategori gangguan seksual —

(a) Cubaan Untuk Merapati Orang Lain Secara Seksual

Secara umum, semua kategori dan bentuk perlakuan serta gangguan seksual termasuk dalam perbuatan “merapati orang lain secara seksual”. Perbuatan ini mengambil berbagai bentuk dan dilakukan dengan berbagai cara seperti yang dijelaskan dalam perenggan 6. Ia boleh berlaku sekali sahaja atau berulang kali sehingga mendapat reaksi daripada Pengadu.

(b) Meminta Layanan Seksual Daripada Orang Lain

Kategori gangguan seksual ini lebih khusus dan boleh berlaku dalam keadaan PDM mempunyai kuasa atau dianggap mempunyai kuasa untuk memberikan sesuatu faedah atau ganjaran tertentu kepada Pengadu (*quid pro quo* atau *this in return for that*) seperti pemberian hadiah, wang tunai, ganjaran dan faedah-faedah lain yang dijanjikan sekiranya Pengadu bersetuju memberikan layanan seksual.

Sebagai contoh —

- (i) PDM menawarkan ganjaran hadiah dan wang tunai sekiranya pengadu keluar berduaan dengannya-
- (ii) PDM mempunyai jawatan yang lebih tinggi dalam sesuatu badan pelajar dan meminta pengadu untuk melayani PDM dengan perbuatan berunsur seksual.

(c) Gangguan Seksual Yang Mengugut

Keadaan seperti di perenggan 5.1(b) boleh berlaku apabila terdapat elemen ugutan cubaan untuk merapati orang lain secara seksual atau meminta layanan seksual bagi mendapatkan faedah tertentu seperti yang dinyatakan di atas.

Perbezaannya ialah Pengadu tidak dijanjikan dengan faedah-faedah tertentu, sebaliknya diugut dengan perkara yang tidak disukai pengadu atau bersalahan dengan undang-undang seperti contoh yang dinyatakan sekiranya Pengadu tidak membenarkan pelajar tersebut merapatinya secara seksual atau enggan memberi layanan seksual kepadanya.

Mengambil contoh yang sama seperti di perenggan 5.1(b)(i) di atas, sekiranya permintaan untuk layanan seksual tersebut ditolak, Pengadu diugut beliau tidak akan diberikan hadiah atau wang tunai; atau pengadu akan dimalukan di hadapan ahli persatuan yang lain.

(d) Gangguan Seksual Yang Menyinggung Atau Menghina

Gangguan seksual bagi kategori ini pula memperlihatkan perlakuan seorang pelajar yang bersifat seksual terhadap orang lain, dalam keadaan yang, setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras berasa tersinggung atau terhina.

Perlakuan seorang pelajar seperti merenung atau melihat orang lain dengan pandangan yang berunsurkan seksual dan dilakukan secara sedar, boleh dianggap sebagai gangguan seksual bagi kategori ini. Begitu juga perlakuan seorang pelajar yang meraba atau memeluk rakan sekelas yang lain dengan sengaja yang menyalahi hukum syarak.

Selain itu, tindakan membuat pernyataan atau mempamerkan perlakuan yang berunsurkan seksual sehingga mencetuskan kesan atau emosi negatif seperti rasa tidak selamat atau takut kepada seseorang atau pelajar juga boleh dianggap sebagai suatu gangguan seksual di bawah perenggan ini.

5.2 Sesuatu perbuatan atau pernyataan yang menyinggung atau menghina seseorang perlu dilihat daripada sudut Pengadu. Seorang pelajar perlu peka kepada perbezaan agama, budaya dan adat istiadat kaum di negara ini untuk mengelakkan perbuatan atau pernyataan yang akan menyinggung atau menghina seseorang.

5.3 Berdasarkan kepada Kaedah 1 Bahagian II Tatatertib Am, Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009; seseorang pelajar tidak boleh —

(a) berkelakuan, sama ada di dalam Kampus atau di luar Kampus, dengan apa-apa cara yang merosakkan atau memudaratkan -

(i) kepentingan, kesejahteraan atau nama baik Universiti, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti; atau

(ii) ketenteraman awam, kesejahteraan atau keselamatan, kemoralan, kesopanan atau tatatertib;

5.4 Perbuatan gangguan seksual yang merosakkan atau memudaratkan kepentingan kesejahteraan atau nama baik Universiti yang terjadi antara PDM dan Pengadu adalah tidak terhad, ia juga boleh terjadi dalam keadaan-keadaan yang berikut:

- (a) seorang pelajar dalam mesyuarat atau ceramah membuat kenyataan atau berjenaka berunsur seksual yang menyinggung, menghina atau mengugut mana-mana pendengar; atau
- (b) seorang pelajar membuat perlakuan bersifat seksual ketika menyertai aktiviti pengajaran, pembelajaran dan pembangunan sahsiah pelajar; atau
- (c) perlakuan yang bersifat seksual antara seorang pelajar dengan pelajar lain atau dengan Pegawai ataupun orang awam, yang menyebabkan seseorang yang melihat kejadian atau perlakuan itu berasa tersinggung, terhina atau terugut walaupun tidak terlibat sama, boleh dianggap sebagai memburukkan atau mencemarkan nama USIM.

6. PERLAKUAN, KEADAAN ATAU PERBUATAN YANG TERJUMLAH KEPADA GANGGUAN SEKSUAL

Jenis perlakuan, keadaan atau perbuatan yang boleh terjumlah kepada gangguan seksual, antara lainnya adalah seperti yang berikut:

(a) Gangguan Secara Fizikal

Gangguan yang berbentuk sentuhan fizikal yang berunsur seksual seperti mendekati orang lain dalam jarak yang terlalu dekat sehingga orang tersebut berasa kurang selesa, memegang, memeluk, menepuk, menggosok, mencubit, mencium, menjilat atau meraba sehingga Pengadu berasa tersinggung, terhina atau terugut.

(b) Gangguan Secara Lisan

Gangguan secara lisan boleh berlaku dalam pelbagai kaedah komunikasi. Bentuk gangguan ini dapat dilihat dalam penggunaan bahasa lucah melalui perbualan, bercerita, berjenaka, membuat bunyi-bunyian, rakaman audio, memberi kritikan, komen, pujian atau mengajukan soalan berunsur seksual ke atas penampilan, pakaian, tingkah laku, tubuh badan atau aktiviti seksual, sehingga seseorang berasa tersinggung, terhina atau terugut untuk berurusan dengan pelajar berkenaan.

(c) Gangguan Secara Isyarat (Bukan Lisan)

Bentuk gangguan ini dipamerkan melalui sikap atau perlakuan pelajar yang memberi maksud atau gambaran keinginan yang berunsurkan seksual, antara lain, seperti menjeling, menggoda, merenung, mengintai, menjilat bibir atau menggunakan bahasa isyarat yang lain.

(d) Gangguan Secara Visual

Perlakuan menghantar nota, surat, mel elektronik (e-mel), *short messaging system* (sms), *multimedia messaging system* (mms), gambar (foto), *emoticon*, lakaran lucah, poster, objek atau bahan bacaan yang berunsur seksual yang diedarkan menerusi media elektronik, blog, vlog atau platform media sosial seperti aplikasi *Facebook*, *WhatsApp*, *Twitter* atau apa-apa aplikasi yang membolehkan bahan-bahan dipindahkan ke paparan umum dan terbuka atau melalui penggunaan apa jua peralatan media, peralatan elektronik atau peralatan komunikasi kepada Pengadu yang menyebabkan Pengadu berasa tersinggung, terhina atau terugut juga terjumlah kepada gangguan seksual.

(e) Gangguan Secara Psikologi

Perbuatan cuba merapati secara seksual, mendorong, mendesak, mengugut atau memujuk rayu bagi memenuhi keinginan seksual pelajar sama ada melalui surat, telefon, e-mel atau sebarang bentuk peralatan komunikasi kepada Pengadu yang menimbulkan tekanan emosi dan mental ke atas Pengadu adalah terjumlah kepada gangguan seksual.

7. PENGECUALIAN

Dalam keadaan tertentu perbuatan seperti pemberian pujian, ucapan tahniah atau persalaman yang disenangi serta tingkah laku yang relevan kepada pelajar yang dilakukan dengan suci hati tidak terjumlah kepada gangguan seksual.

8. ANTUNAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK

Sebarang komunikasi yang dibuat dengan pelajar di bawah umur 18 tahun dengan niat untuk melakukan atau memudahkan perlakuan seksual; seperti menyamar sebagai rakan sebaya, menggunakan nama orang lain yang dipercayai, atau menyamar sebagai sama jantina, untuk mendapat kepercayaan, adalah satu bentuk gangguan seksual. Pertemuan atau perjumpaan yang dibuat dengan individu di bawah umur 18 tahun selepas komunikasi tersebut dibuat, dengan niat untuk melakukan perbuatan gangguan seksual seperti dalam Perkara 6 (a)- (e) juga terjumlah sebagai gangguan seksual.

Sekiranya perbuatan antunan seksual terhadap kanak-kanak terjumlah kepada kesalahan jenayah di bawah Akta 792 Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Seksyen 11,12 dan 13), Pengadu boleh membuat laporan polis.

9. TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL OLEH PENGADU

9.1 Keputusan untuk mengemukakan aduan mestilah dibuat oleh pengadu sendiri apabila beliau bersedia dan keputusan itu tidak dibuat kerana dipaksa. Apabila seseorang individu mengalami gangguan seksual atau suatu gangguan seksual telah berlaku ke atas dirinya, beliau perlu mengambil tindakan yang berikut:

(a) Mengemukakan Aduan

- (i) Pengadu boleh mengemukakan aduan rasmi kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan disalinkan ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP);
- (ii) Sekiranya perbuatan gangguan seksual itu terjumlah kepada kesalahan jenayah seperti mencabul kehormatan di bawah seksyen 354 Kanun Keseksaan atau meminta layanan seksual sebagai suapan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 dan sebagainya, Pengadu boleh membuat laporan polis atau mengemukakan aduan kepada agensi yang bertanggungjawab; atau

- (iii) Sekiranya Pengadu tidak pasti sama ada gangguan seksual telah terjadi ke atasnya atau jika Pengadu mempercayai dirinya telah mengalami gangguan seksual tetapi tidak pasti apakah tindakan yang boleh diambil, pegawai boleh menghubungi Pegawai Psikologi/Kaunselor, BHEP, Jabatan Keselamatan atau agensi-agensi yang mengendalikan isu gangguan seksual untuk mendapatkan maklumat atau khidmat nasihat yang selanjutnya.

Sila rujuk carta aliran seperti di **Lampiran A**.

(b) Mengumpulkan Bukti

Pengumpulan bukti boleh dilaksanakan seperti yang berikut:

- (i) membuat catatan atau merekodkan kejadian tersebut (tarikh, tempat, masa, perasaan semasa gangguan seksual berlaku dan sebagainya) agar dapat dijadikan sebagai bahan bukti apabila diperlukan;
- (ii) menyimpan apa-apa nota, surat, mel elektronik (e-mel), *short messaging system* (sms), *multimedia messaging system* (mms), gambar (foto), *emoticon*, lakaran lucu, poster, objek atau bahan bacaan dan visual yang berunsur seksual yang diedarkan menerusi media elektronik, blog, vlog, atau platform media sosial seperti aplikasi *Facebook*, *Whatsapp*, *Twitter* atau apa-apa aplikasi yang membolehkan bahan-bahan dipindahkan ke paparan umum dan terbuka atau melalui penggunaan apa jua peralatan media, elektronik atau komunikasi dan lain-lain dokumen atau apa-apa benda (bahan) yang boleh dijadikan sebagai bukti. Perlu diingatkan bahawa dokumen, bahan atau benda yang diterima tersebut tidak boleh diubahsuai bagi menjaga rantai keterangan bahan bukti berkenaan;
- (iii) memaklumkan kejadian gangguan seksual tersebut kepada pihak ketiga, sekiranya perlu. Walau bagaimanapun, jumlah orang yang dimaklumkan berhubung kejadian tersebut, haruslah dihadkan kepada jumlah yang paling minimum bagi menjaga kerahsiaan dan maruah kedua-dua pihak terlibat;

- (iv) mengenal pasti orang lain yang melihat kejadian yang berlaku atau orang pertama yang diceritakan oleh pengadu agar orang berkenaan boleh diminta untuk memberi keterangan apabila diperlukan.

Sila rujuk carta aliran seperti di **Lampiran B**.

9.2 Aduan Oleh Pihak Ketiga

Sekiranya seseorang mempunyai maklumat atau menjadi saksi kepada perlakuan gangguan seksual yang berlaku ke atas atau dilakukan oleh seorang pelajar, orang tersebut boleh membuat aduan kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan disalurkan ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP). Individu berkenaan hendaklah memberikan keterangan yang mencukupi berhubung kejadian gangguan seksual itu. Semua pihak yang terlibat dalam mengendalikan aduan ini, hendaklah menjaga kerahsiaan aduan tersebut.

10. TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL OLEH BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR

10.1 Pegawai yang menerima aduan di BHEP hendaklah mengisi Borang Aduan Salah Laku Gangguan Seksual seperti di **Lampiran E**.

10.2. Setelah menerima aduan, BHEP hendaklah mendapatkan butir-butir keterangan berkaitan dengan kes yang diadukan dan mengemukakan laporan kepada Urus Setia Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) untuk tindakan selanjutnya dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja sekiranya keterangan yang diperolehi adalah mencukupi.

10.3 Sekiranya keterangan yang diperolehi tidak mencukupi untuk dibawa kepada Urus Setia PBT, BHEP hendaklah mengambil tindakan di bawah perenggan 9.4 atau 9.5 atau kedua-duanya sekali, sekiranya perlu. Sila rujuk carta aliran seperti di **Lampiran C**.

10.4 Merujuk Kepada Pegawai Psikologi/Kaunselor

- (a) BHEP boleh merujuk aduan kes gangguan seksual secara rasmi kepada Pegawai Psikologi/Kaunselor dengan mengemukakan surat rujukan bagi mendapatkan laporan penilaian psikologi untuk melengkapkan keterangan kes.
- (b) Setelah penilaian psikologi dilaksanakan, Pegawai Psikologi/Kaunselor hendaklah mengemukakan laporan penilaian psikologi kepada BHEP.

- (c) Sekiranya dapatan laporan penilaian psikologi mendapati terdapat bukti bahawa salah laku gangguan seksual telah berlaku, BHEP hendaklah memanjangkan aduan tersebut beserta keterangan yang diperoleh kepada Urus Setia PBT.
- (d) Sekiranya dapatan laporan penilaian psikologi mendapati tiada bukti bahawa salah laku gangguan seksual telah berlaku, BHEP hendaklah menutup aduan ini dan memaklumkan keputusan tersebut kepada pengadu dan pihak pengurusan tertinggi.

Sila rujuk carta aliran seperti di **Lampiran D1**.

10.5 **Menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Bebas**

- (a) BHEP boleh menubuhkan satu jawatankuasa siasatan bebas yang dianggotai oleh seorang pengerusi dan sekurang-kurangnya 2 orang ahli lain bagi menjalankan siasatan dengan tujuan mendapatkan maklumat seperti yang berikut:
 - (i) penjelasan daripada pengadu;
 - (ii) penjelasan daripada PDM; dan
 - (iii) penjelasan daripada pihak ketiga sekiranya perlu.
- (b) Setelah siasatan dilaksanakan, pihak Jawatankuasa Siasatan Bebas hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja mengemukakan laporan siasatan kepada BHEP.
- (c) Sekiranya dapatan laporan siasatan mendapati terdapat bukti bahawa salah laku gangguan seksual telah berlaku, BHEP hendaklah memanjangkan aduan tersebut beserta keterangan yang diperoleh kepada Urus Setia PBT.
- (d) Sekiranya dapatan laporan siasatan mendapati tiada bukti bahawa salah laku gangguan seksual telah berlaku, BHEP hendaklah menutup aduan ini dan memaklumkan keputusan tersebut kepada pengadu dan pihak pengurusan tertinggi.

Sila rujuk carta aliran kerja seperti di **Lampiran D2**.

11. TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL OLEH PEGAWAI PSIKOLOGI/KAUNSELOR

11.1 Pegawai Psikologi/Kaunselor yang menerima rujukan kes gangguan seksual daripada BHEP, hendaklah membuat pemerhatian dan penilaian psikologi ke atas kes berkenaan serta mengemukakan laporan tersebut kepada BHEP dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja**. Sila rujuk carta aliran seperti di **Lampiran D1**.

11.2 **Sekiranya Pengadu Adalah Pelajar, Pegawai Psikologi/Kaunselor hendaklah —**

- (a) merekodkan aduan dan memberi masa yang mencukupi untuk Pengadu menceritakan apa yang berlaku;
- (b) memahami dan merekodkan sebab atau alasan Pengadu tidak membuat aduan sehingga gangguan seksual menjadi lebih serius;
- (c) mengemukakan soalan yang bersesuaian dan menjaga kerahsiaan maklumat yang diberikan;
- (d) mendengar tanpa prasangka, mempamerkan empati dan menyedari kesan negatif yang dialami oleh Pengadu; dan
- (e) membuat pemerhatian dan penilaian psikologi, mengambil pendekatan psikologi atau tindakan lain yang bersesuaian dan menyediakan laporan penilaian psikologi kepada BHEP.

Sila rujuk carta aliran seperti di **Lampiran F**.

11.3 **Sekiranya PDM adalah Pelajar, Pegawai Psikologi/Kaunselor hendaklah —**

- (a) memberitahu PDM secara bertulis bahawa suatu aduan gangguan seksual telah dibuat terhadapnya dan menetapkan temu janji dengan PDM untuk membincangkan perkara tersebut;
- (b) menjaga aspek kerahsiaan bagi mengelakkan fitnah yang melibatkan aib seseorang serta penyebaran kepada orang yang tidak sepatutnya dalam menguruskan pemberitahuan tersebut dan PDM juga diminta merahsiakan perkara itu daripada pengetahuan orang lain;

- (c) merekodkan pernyataan yang dikemukakan oleh PDM semasa sesi temu bual;
- (d) memberi PDM masa yang mencukupi dan peluang untuk membuat pernyataan berhubung aduan tersebut;
- (e) mendengar tanpa prasangka, mempamerkan empati, mengemukakan soalan yang bersesuaian dan menyedari kesan negatif yang dialami oleh PDM; dan
- (f) mengambil pendekatan psikologi atau tindakan lain yang bersesuaian dan menyediakan laporan penilaian psikologi kepada BHEP.

Sila rujuk carta aliran seperti di **Lampiran F**.

11.4 Pegawai Psikologi/Kaunselor perlu menyediakan perkhidmatan psikologi kepada Pengadu dan PDM selepas sesuatu keputusan berhubung dakwaan kes gangguan seksual diperoleh sebagai langkah intervensi dan pemulihan kepada kedua-dua pihak yang terlibat.

11.5 Dalam melaksanakan semua tindakan di bawah perenggan ini Pegawai Psikologi/Kaunselor hendaklah mematuhi hukum-hukum syarak yang berkaitan.

12. TANGGUNGJAWAB DEKAN/ PENGARAH/ KETUA

12.1 Dekan/ Pengarah/ Ketua hendaklah merujuk Pengadu dan PDM kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar bagi membantu kedua-dua pihak yang terlibat menangani kesan negatif yang dialami selepas sesuatu keputusan berhubung dakwaan kes gangguan seksual diperoleh.

12.2 Mana-mana Dekan/ Pengarah/ Ketua yang gagal mengambil tindakan ke atas kes gangguan seksual yang dilaporkan boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Akta 605.

13. KERAHSIAAN

13.1 Dakwaan gangguan seksual adalah satu dakwaan yang serius dan boleh menjejaskan reputasi seseorang walaupun tidak dapat dibuktikan. Oleh itu, aspek kerahsiaan perlu diberi penekanan di setiap peringkat tindakan yang diambil oleh semua pihak yang terlibat untuk menjaga maruah dan reputasi Pengadu, PDM, fakulti serta perkhidmatan universiti secara keseluruhannya. Prinsip keadilan asasi yang terdapat di dalam undang-undang pentadbiran hendaklah sentiasa didokong dan dipatuhi dalam pengendalian kes gangguan seksual pelajar dengan cara:

- (a) Pihak-pihak yang akan terkesan dengan mana-mana tindakan atau keputusan dari pengendalian kes gangguan seksual pelajar hendaklah terlebih dahulu diberi peluang untuk didengar dan membela diri.
- (b) Pengadilan yang bebas dari berat sebelah (*bias*).

13.2 Walaupun begitu, jika Pegawai Psikologi/Kaunselor dipanggil untuk memberikan keterangan di mahkamah, tidak ada halangan undang-undang bagi Pegawai Psikologi/Kaunselor dari kalangan Pegawai untuk memberikan keterangan di mahkamah jika diputuskan bahawa keterangan tersebut adalah relevan kepada kes dan tidak bercanggah dengan kepentingan awam.

14. KESAN GANGGUAN SEKSUAL

Gangguan seksual boleh memberi kesan negatif kepada Pengadu, PDM dan USIM seperti yang berikut:

(a) Kesan Gangguan Seksual Ke Atas Pengadu

Pelajar yang mengalami gangguan seksual cenderung mengambil tindakan yang boleh merugikan diri mereka dan akhirnya memberi kesan kepada USIM. Antara kesan negatif yang boleh mengganggu kehidupan pelajar ialah —

(i) Kesan Kepada Pendidikan

Pelajar cenderung untuk mengasingkan diri, mengelakkan diri untuk hadir ke kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain yang berhubungan dengan kursus pengajiannya mengalami penurunan tahap prestasi belajar dan mengubah matlamat pendidikannya.

(ii) Kesan Kepada Masyarakat

Pelajar yang mengalami gangguan seksual bukan sahaja mengalami kesan dari segi pendidikan, malahan ia boleh menjejaskan keharmonian dalam keluarga terutama hubungan kekeluargaan.

(iii) Kesan Fisiologi Dari Aspek Implikasi Fisiologi

Pelajar mungkin mempamerkan gejala-gejala seperti sakit kepala, gangguan tidur (mimpi ngeri), hilang selera makan atau mempunyai berat badan yang sering berubah.

(iv) Kesan Psikologi

Pelajar yang mengalami gangguan seksual juga cenderung untuk mengalami kemurungan, kebimbangan, kemarahan, ketakutan, kekecewaan, keaiban, kekeliruan, fobia, panik, berasa rendah diri, tidak berdaya (tidak berupaya), mengasingkan diri atau menyalahkan diri sendiri.

(v) Kesan Keruntuhan Akhlak

Dalam situasi yang mana tiada sebarang bantuan atau sokongan diberikan kepada pelajar yang mengalami gangguan seksual, pelajar boleh terjerus ke arah permasalahan keruntuhan akhlak yang boleh menjejaskan imej USIM.

(b) Kesan Kes Gangguan Seksual Ke Atas PDM

PDM juga boleh mengalami kesan negatif seperti —

- (i) menjejaskan kemajuan pendidikan dan masa depan PDM;
- (ii) menjejaskan kesejahteraan dan hubungan kekeluargaan di antara PDM dan keluarga yang mana mereka mungkin berasa malu, rendah diri, kecewa, sukar menerima kenyataan, hilang kepercayaan dan mengasingkan diri; dan
- (iii) sekiranya aduan yang dikemukakan adalah palsu, atau PDM melakukan sesuatu perbuatan “gangguan seksual” dengan suci hati, maka aduan terhadap PDM boleh menyebabkan PDM mengalami kemurungan, kebimbangan, ketakutan, kekecewaan, keaiban, kekeliruan atau mengasingkan diri.

(c) Kesan Kes Gangguan Seksual Kepada USIM

USIM juga boleh mengalami kesan negatif seperti —

- (i) dari aspek kecemerlangan pendidikan, pelajar yang mengalami gangguan seksual cenderung mempamerkan penurunan prestasi pengajian dan motivasi;
- (ii) pelajar juga cenderung untuk berhenti belajar sebagai pilihan terakhir sekiranya pelajar berasakan gangguan seksual telah menjadi lebih serius;
- (iii) tindakan pelajar berhenti boleh meningkatkan kos operasi kerana kekurangan sumber yuran pengajian; dan
- (iv) sekiranya gangguan seksual melibatkan pihak luar, imej USIM juga turut terjejas apabila isu gangguan seksual diuar-uarkan kepada umum.

15. MENANGANI KESAN GANGGUAN SEKSUAL KE ATAS PENGADU, PELAJAR DISYAKI MENGGANGGU DAN DEKAN/ PENGARAH/ KETUA

15.1 Pengadu boleh menangani kesan gangguan seksual dengan —

- (a) memaklumkan kejadian gangguan seksual kepada Dekan/ Pengarah/ Ketua atau mana-mana Pegawai seperti Timbalan Dekan, Ketua Program, pensyarah, atau mana-mana pegawai di bawah Pusat Tanggungjawab Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) agar mereka dapat memberikan sokongan;
- (b) mendapatkan bantuan psikologi daripada Pegawai Psikologi/Kaunselor atau ahli profesional kesihatan mental yang boleh mengendalikan kesan gangguan seksual; dan
- (c) menghadiri bengkel, kursus atau program atau kemahiran peningkatan sendiri.

15.2 PDM dikehendaki —

- (a) mendapatkan bantuan psikologi daripada Pegawai Psikologi/Kaunselor atau ahli profesional kesihatan mental yang boleh membantu PDM menghentikan perlakuan gangguan seksual atau sekiranya dikenakan tindakan tatatertib; dan

- (b) menghadiri bengkel, kursus atau program pemahaman gangguan seksual dan peningkatan sendiri.

15.3 Dekan/ Pengarah/ Ketua hendaklah —

- (a) memberi pemahaman dan mewujudkan kesedaran berhubung perlakuan gangguan seksual di kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain yang berhubungan dengan kursus pengajiannya;
- (b) mewujudkan dan memelihara suasana kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain yang berhubungan dengan kursus pengajiannya yang kondusif serta bebas daripada perlakuan gangguan seksual;
- (c) merujuk pelajar yang mengalami gangguan seksual mendapatkan perkhidmatan psikologi; dan
- (d) mengambil tindakan menurut peraturan sedia ada.

16. PROGRAM PENCEGAHAN GANGGUAN SEKSUAL DI USIM

16.1 Gangguan seksual boleh dicegah daripada berlaku di USIM. Tindakan ini selaras dengan konsep yang mana mencegah adalah lebih baik daripada merawat. Antara program pencegahan yang boleh dilaksanakan ialah mengadakan taklimat bagi mewujudkan kesedaran dan memberi penjelasan serta pemahaman kepada pihak fakulti dan pelajar berhubung-

- (a) maksud gangguan seksual;
- (b) perlakuan gangguan seksual tidak dibenarkan berlaku tanpa mengira tempat atau waktu bekerja kerana perlakuan tersebut mencemarkan imej universiti;
- (c) kewajaran dan ketegasan Dekan/ Pengarah/ Ketua dalam mengendalikan aduan gangguan seksual;
- (d) prosedur pengendalian kes gangguan seksual di kampus;
- (e) kesan negatif ke atas pelajar dan USIM;
- (f) bantuan atau sokongan yang boleh diberikan kepada pelajar yang mengalami gangguan seksual; dan

- (g) bentuk hukuman tatatertib yang boleh diambil ke atas pelajar yang didapati bersalah melakukan gangguan seksual di kampus.

16.2 Pusat Tanggungjawab di bawah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan fakulti memainkan peranan penting dalam memberikan kesedaran dengan menganjurkan program-program seperti siri ceramah, program penerapan nilai-nilai murni, pameran, pembelajaran, penjelasan dan pelaksanaan garis panduan, latihan pengendalian kes gangguan seksual dan sebagainya.


16.3 Pelajar dan pegawai di universiti juga harus menjaga batas pergaulan dan tidak dibenarkan membuat pernyataan berunsur seksual, memaksa keluar untuk temu janji atau hubungan seksual, atau melakukan sebarang perbuatan berunsur seksual terhadap seseorang pelajar.

16.4 Pelajar perlu sentiasa peka dengan keadaan sekeliling dan merujuk Garis Panduan ini bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan tindakan yang perlu diambil sekiranya pelajar mengalami gangguan seksual.


17. RUJUKAN BERKAITAN

- (a) Ringkasan Jadual Urus Setia Pengurusan Aduan/ Khidmat Kaunseling Apabila Berlaku Kes Gangguan Seksual Pelajar Dan Rujukan Garis Panduan adalah seperti di **Lampiran G**.
- (b) Carta Aliran Pengurusan Siasatan Kes Tatatertib Pelajar (Bukan Akademik) Universiti Sains Islam Malaysia adalah seperti di **Lampiran H**.
- (c) Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Universiti Sains Islam Malaysia.


**CARTA ALIRAN KERJA
TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL OLEH PENGADU**




**CARTA ALIRAN KERJA
TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL BAGI TUJUAN
PENGUMPULAN BUKTI (PENGADU)**




**CARTA ALIRAN KERJA
TINDAKAN OLEH PEGAWAI PENERIMA ADUAN
DI BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR**



CARTA ALIRAN KERJA
TINDAKAN OLEH PEGAWAI PSIKOLOGI / KAUNSELOR



**CARTA ALIRAN KERJA
TINDAKAN OLEH JAWATANKUASA SIASATAN BEBAS**



BORANG ADUAN SALAH LAKU GANGGUAN SEKSUAL

(Borang ini diisi oleh Pegawai Penerima Aduan)

Maklumat Pengadu

Nama :

No. Kad Pengenalan: No Matrik:

Fakulti:

No. Telefon: E-mel:

Maklumat Pihak Disyaki Mengganggu

Nama :

Alamat
Fakulti/Jabatan:

No. Matrik/
No. Staf :

Butir – butir Aduan

Tarikh Kejadian: Lokasi Kejadian:

Tarikh Kejadian: Kekerapan Gangguan (Sehingga Tarikh Aduan):

Sejarah Gangguan: Kali Pertama Kes Ulangan

Salah Laku Gangguan Seksual Yang Dilakukan (Sila Jelaskan):

Kesan Yang Dialami:

Maklumat Tambahan (Jika Berkaitan)

Nama Saksi Kejadian:


Jawatan: No.Telefon:

Nama Penerima Aduan

Tandatangan Penerima Aduan Tarikh Aduan:

PERINGATAN: SEMUA MAKLUMAT DI DALAM BORANG INI ADALAH SULIT. PELAJAR TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI MEMBUAT PENULARAN MAKLUMAT DI DALAM MEDI SOSIAL.


**CARTA ALIRAN KERJA
TINDAKAN OLEH PEGAWAI PSIKOLOGI / KAUNSELOR APABILA MENYEDIAKAN
PERKHIDMATAN PSIKOLOGI**



RINGKASAN JADUAL
URUS SETIA PENGURUSAN ADUAN/ KHIDMAT KAUNSELING
APABILA BERLAKU KES GANGGUAN SEKSUAL PELAJAR
DAN RUJUKAN GARIS PANDUAN

BIL.	PIHAK DISYAKI MENGANGGU	URUS SETIA PENGURUSAN ADUAN/ KHIDMAT KAUNSELING	RUJUKAN GARIS PANDUAN
1.	Pelajar	Urus Setia Pengurusan Aduan/ Khidmat Kaunseling: Bahagian Hal Ehwal Pelajar	Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia.
2.	Pegawai	Urus Setia Pengurusan Aduan/ Khidmat Kaunseling: Unit Integriti	Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Universiti Sains Islam Malaysia.

**CARTA ALIRAN PENGURUSAN SIASATAN KES TATATERTIB PELAJAR
(BUKAN AKADEMIK)
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**



- Rujukan:**
- BHEP - Bahagian Hal Ehwal Pelajar
 - TNC (HEPA) - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - J/k - Jawatankuasa Siasatan
 - JUU - Jabatan Undang-Undang
 - PBT - Pihak Berkuasa Tatatertib
 - JK - Jabatan Keselamatan

Disediakan oleh:
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Universiti Sains Islam Malaysia

Tarikh kemaskini : 11 Jun 2021